

UM 14/1
80,000 dipindah

Beliau berkata, beberapa laluan utama di negeri Johor turut terputus hubungan kerana dinaiki air setinggi satu meter sejak semalam.

Menurutnya, jalan-jalan itu ialah di Kilometer 3 Jalan Yong Peng-Chaah, Kilometer 26 Jalan Batu Pahat-Ayer Hitam, Jalan Kluang ke Bandar Tenggara, Jalan Labis-Yong Peng, Jalan Labis-Muar.

"Jalan Parit Sulong-Muar dibuka untuk kenderaan berat sahaja," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Johor, Jailani Rusni berkata, sebanyak 21 buah sekolah di beberapa daerah turut dinaiki air dan beliau menjangkakan bilangannya akan meningkat esok.

Katanya, sebanyak 82 buah sekolah pula dijadikan pusat penempatan mangsa-mangsa banjir.

Menurut Jailani, banjir kali kedua itu juga menyebabkan seramai 8,572 murid sekolah rendah dan menengah terjejas.

Di PAHANG, banjir kali kedua mula melanda negeri itu hari ini dengan 462 orang dipindahkan ke empat pusat penempatan banjir sementara yang dibuka mulai pukul 1 tengah hari.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang berkata, banjir yang berlaku di daerah Rompin itu melibatkan empat penempatan iaitu di Kampung Kurnia, Perpat, Rekoh dan Bukit Seruk yang terletak berhampiran dengan Sungai Setajam dan Sungai Kampung Bukit Seruk.

Di SABAH, Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Muhiden Yusin memberi kebenaran kepada pengetua dan guru besar sekolah yang dilanda banjir untuk menutup sekolah mereka sekiranya keadaan membahayakan keselamatan pelajar.

"Mereka boleh mengeluarkan arahan menutup sekolah pada bila-bila masa mengikut penilaian sendiri," katanya.

Semalam, tiga buah sekolah rendah di daerah Beluran iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai-Sungai, SK Sulok dan SK Perancangan telah ditutup selepas dinaiki air.



ARUS deras merobohkan jambatan Sungai Semberong yang terletak berhampiran Kampung Sri Cahaya mengakibatkan hubungan jalan raya di antara Kluang dan Mersing terputus akibat banjir yang melanda daerah Kluang, Johor, semalam. [Lagi berita, gambar di muka 3, 12 dan 13]

- Gambar MOHD. FARIZWAN HASBULLAH



KELUARGA Zainab Misrabi terpaksa menjadikan kawasan bawah jambatan Sungai Tebrau sebagai tempat tinggal sementara selepas rumah mereka di Kangkar Tebrau, Johor Bahru ditenggelami banjir, semalam. [Berita di muka 12]

- Gambar ISHAK RAHMAD

SEPINTAS

- PM puas hati tindakan agensi kerajaan
- Penduduk alami tekanan perasaan ekoran kehilangan harta benda buat kali kedua
- Dua buah jambatan di Batu 5 Jalan Kluang-Mersing dan Kampung Oren, Ulu Tiram runtuh
- 21 sekolah ditutup
- 82 sekolah dijadikan pusat penempatan banjir
- 8,572 murid sekolah rendah dan menengah di Johor terjejas
- Sebuah keluarga 11 beranak berteduh di bawah jambatan di Johor Bahru
- 462 orang dipindahkan di Pahang
- 3,000 penduduk di enam daerah di Sabah dipindahkan
- Jabatan Meteorologi keluarkan amaran angin kencang di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak
- Jabatan Meteorologi meminta penduduk Sabah dan Sarawak jangan hampiri laut
- JLKN digesa gerakkan bekas peserta PLKN ke kawasan banjir

UM 14/1
80,000 dipindah

Oleh NOR SEDEK ISMAIL dan JAAFAR AHMAD

JOHOR BAHRU 13 Jan. - Keadaan banjir gelombang kedua di Johor bertambah buruk hari ini apabila hampir 80,000 penduduk negeri ini terpaksa dipindahkan di 301 buah pusat penempatan sementara.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor berkata, jumlah pemindahan itu merupakan yang tertinggi sejak negeri ini dilanda banjir kali kedua kelmarin.

Lebih memeritkan ialah penduduk di daerah Kota Tinggi terputus semua laluan jalan raya ekoran hujan lebat yang turun sejak tiga hari lalu. Di sesetengah tempat di Kota Tinggi paras banjir mencecah setinggi 5.1 meter.

Banjir itu juga menyebabkan sebuah jambatan di Batu 5 Jalan Kluang-Mersing runtuh selepas dihanyutkan arus deras Sungai Semberong kira-kira pukul 4 pagi tadi.

Kejadian itu mengakibatkan laluan antara Kahang dan Kluang serta laluan keluar masuk ke kem Prog-

ram Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Padang Hijau, Kahang terputus.

Kem itu yang menempatkan lebih 400 pelatih PLKN, bagaimanapun, beroperasi seperti biasa kerana ia terletak di kawasan tinggi yang tidak terkena banjir.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, jumlah hujan yang dicatatkan di Kota Tinggi, Batu Pahat dan Kluang sejak tiga hari lepas menyamai jumlah hujan selama dua bulan di daerah-daerah tersebut.

"Banjir pusingan kedua ini telah membabitkan kawasan baru iaitu Semerah dan Rengit," katanya kepada pemberita selepas menaiki trak tentera melawat kawasan banjir di Kluang.

Jabatan Meteorologi memberitahu, keadaan banjir di utara Johor terutama di daerah Segamat dan Muar dijangka bertambah buruk berikutan keadaan hujan lebat tanpa henti sejak dua hari lalu.

"Hujan lebat yang dibawa Monsun Timur Laut yang masih aktif dijangka turut melibatkan seluruh negeri Pahang dan selatan Terengganu," menurut jabatan itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Jabatan Meteorologi mengingatkan, amaran peringkat merah yang menandakan hujan lebat berterusan di Johor, Pahang Selatan dan Timur serta di Sarawak yang meliputi bahagian Kuching, Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah dan Limbang masih berkuat kuasa sehingga Isnin.

Bagaimanapun, amaran peringkat merah bagi Sabah yang meliputi bahagian Pantai Barat, kawasan pedalaman Kudat dan Sandakan hanya berkuat kuasa sehingga esok.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir IPK Johor berkata, sehingga pukul 11 malam ini jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ialah 77,579 orang membabitkan 17,263 keluarga. Daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah mangsa banjir paling tinggi pada sebelah petang iaitu seramai 20,299 orang tetapi ia berkurangan kepada 17,557 menjelang tengah malam.

Ini diikuti daerah Kluang (16,001 orang), Batu Pahat (16,143 orang), Kota Tinggi (11,066 orang), Segamat (6,087 orang), Muar (3,097 orang), Pontian (2,763) dan Mersing (4,865 orang).

● Lihat muka 4